



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

IKLAN JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

- | | |
|-----------------------------|-------------------------------------|
| Nama Jawatan | : JURUTERA |
| Klasifikasi | : Kejuruteraan |
| Kumpulan Perkhidmatan | : Pengurusan dan Profesional |
| Jurusan | : Awam |
| Bilangan Kekosongan | : 1 |
| Taraf Jawatan | : KONTRAK/TETAP |
| Gred J41 | Jadual Gaji Minimum Maksimum |
| | : RM2,529.00 – RM9,643.00 |
| Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : RM225.00 |

SYARAT LANTIKAN :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasioal Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. **Nama Jawatan** : **PENOLONG JURUTERA**
Klasifikasi : Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Jurusan : Awam
Bilangan Kekosongan : 1
Taraf Jawatan : **KONTRAK/TETAP**
Gred JA29 **Jadual Gaji Minimum Maksimum**
: RM1,549.00 – RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji : RM145.00
Tahunan

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasioal Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **Nama Jawatan** : **PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG**
Klasifikasi : Perundangan dan Kehakiman
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Bilangan Kekosongan : 1
Taraf Jawatan : **KONTRAK/TETAP**
Gred L29 **Jadual Gaji Minimum Maksimum**
: RM1,773.00 – RM5,674.00
Kadar Kenaikan : RM145.00
Gaji Tahunan

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,773.00) ; atau
 - (d) Diploma Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,847.86)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasioal Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.

Nama Jawatan	: PENOLONG PEGAWAI TADBIR
Klasifikasi	: Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Bilangan Kekosongan	: 1
Taraf Jawatan	: KONTRAK
Gred N29	Jadual Gaji Minimum Maksimum
	: RM1,493.00 – RM5,672.00
Kadar Kenaikan	: RM145.00
Gaji Tahunan	

SYARAT LANTIKAN :

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00) ; atau

- ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00) ; atau

- iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasioal Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

- 1) Berpengalaman serta berpengetahuan sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang pengurusan sumber manusia.
- 2) Mempunyai kemahiran perisian komputer serta penyediaan kertas kerja.

5. Nama Jawatan	: PEMBANTU PENGUAT KUASA
Klasifikasi	: Keselamatan Dan Pertahanan Awam
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Bilangan Kekosongan	: 7
Taraf Jawatan	: KONTRAK/TETAP
Gred KP19	Jadual Gaji Minimum Maksimum
	: RM1,360.00 – RM4,052.00
Kadar Kenaikan	: RM100.00
Gaji Tahunan	

SYARAT LANTIKAN :

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00); atau

- ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan

telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00); atau

- iii Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00); atau

- iv Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,472.80).

dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-

- i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasioal Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CALON YANG BERJAYA DIPANGGIL TEMUDUGA PERLU MENJALANI UJIAN FIZIKAL/KECERGASAN

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai **4.12.2020 (Jumaat)**
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis/Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan/akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Sebelum atau pada 18 DISEMBER 2020 / JUMAAT

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**